

# KAEDAH-KAEDAH TIMBANG TARA KLRCA PANTAS



**klrcA**  
PUSAT TIMBANG TARA  
SERANTAU KUALA LUMPUR

PENYELESAIAN REGIONAL  
SOLUSI GLOBAL

## ***Fasal Model Timbang Tara Pantas KLRCA***

*"Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan kontrak ini, atau pelanggaran, penamatkan atau ketaksahannya hendaklah diselesaikan oleh timbang tara menurut Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur."*



©2015

---

# KANDUNGAN

***Kaedah-kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA***

---

***Bahagian I***

KAEDAH-KAEDAH TIMBANG

TARA PANTAS KLRCA

***Bahagian II***

JADUAL FI DAN

KOS PENTADBIRAN

***Bahagian III***

PANDUAN KAEDAH-KAEDAH

TIMBANG TARA PANTAS KLRCA

*Ini adalah edisi kedua Kaedah-Kaedah  
Timbang Tara Pantas KLRCA seperti yang  
diterbitkan oleh Pusat Timbang Tara Serantau  
Kuala Lumpur pada 24hb Oktober 2013.*



***Bahagian I*****KAEDAH-KAEDAH TIMBANG TARA  
PANTAS KLRCA**

Perkara 1	Tafsiran	5
Perkara 2	Pemberitahuan atau Komunikasi Bertulis	7
Perkara 3	Permulaan Timbang Tara	8
Perkara 4	Pelantikan Tribunal Timbang Tara	10
Perkara 5	Kebebasan dan Kesaksamaan Tribunal Timbang Tara	12
Perkara 6	Undang-Undang, Prosedur dan Bidang Kuasa	
Perkara 7	Pernyataan Kes	19
Perkara 8	Pernyataan Pembelaan (dan tuntutan balas, jika ada)	20
Perkara 9	Timbang Tara Dokumen Sahaja	24
Perkara 10	Perjumpaan Pengurusan Kes	25
Perkara 11	Pendengaran Lisan Substantif	27
Perkara 12	Award	29
Perkara 13	Pelanjutan Masa untuk Award	30
Perkara 14	Kos dan Belanja Timbang Tara	31
Perkara 15	Penepian Bantahan dan Masa untuk Mencabar	33
Perkara 16	Pengecualian	
Perkara 17	Pendengaran <i>Ex-Parte</i>	
Perkara 18	Kerahsiaan	34
Perkara 19	Fi Tribunal Timbang Tara	35
Perkara 20	Deposit dan Bayaran	36
Perkara 21	Pembetulan Award	38

***Bahagian II*****JADUAL FI DAN  
KOS PENTADBIRAN*****Timbang Tara Antarabangsa***

Lampiran A1 Fi Penimbang Tara (USD) 40

***Timbang Tara Domestik***

Lampiran A2 Fi Penimbang Tara (RM) 41

Model Klausus Timbang Tara Pantas KLRCA 42

Bentuk Perjanjian

***Bahagian III***PANDUAN KAEADAH-KAEADAH  
TIMBANG TARA PANTAS KLRCA 44

---

*Bahagian I*

# KAEDAH-KAEDAH TIMBANG TARA PANTAS KLRCA

---



## **Perkara 1**

### **Tafsiran**

1. Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan dan ungkapan di bawah akan mengandungi maksud dan/atau takrifan yang masing-masing diberikan dibawah:

**"Pusat"** ertinya Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur;

**"Pengarah"** ertinya Pengarah Pusat tersebut, dan sekiranya Pengarah tidak dapat atau tidak berupaya bertindak atas apa-apa sebab pun, merujuk kepada mana-mana orang lain yang boleh diberi kuasa oleh Pengarah secara bertulis;

**"Kaedah-Kaedah ini"** ertinya Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA;

**"Akta"** ertinya Akta Timbang Tara Malaysia 2005 (Akta 646) dan Akta Timbang Tara (Pindaan) 2011 atau mana-mana ubah suai statutori atau enakmen semula kepada Akta;

**"Tribunal Timbang Tara"** ertinya sama ada penimbang tara tunggal atau semua penimbang tara apabila lebih daripada seorang penimbang tara dilantik;

**"dokumen yang berkaitan"** ertinya semua dokumen yang berkaitan dengan pertikaian sama ada berpihak atau tidak kepada pihak yang mempunyai kuasa, pemilikan atau kawalan ke atasnya, tetapi tidak termasuk dokumen yang terlindung dan oleh itu tidak boleh didedahkan secara sah;

**"timbang tara antarabangsa"** ertinya suatu timbang tara di mana:

- a) Salah satu daripada pihak kepada suatu perjanjian timbang tara, pada masa pemeteraian perjanjian itu, mempunyai tempat urusannya di mana-mana Negara berdaulat selain Malaysia;
- b) Mana-mana tempat di mana sebahagian besar obligasi apa-apa perhubungan perdagangan atau hubungan lain yang mesti dilaksanakan atau tempat yang perkara pertikaian itu mempunyai kaitan yang paling rapat dengannya terletak di mana-mana Negara berdaulat selain Malaysia;
- c) Pihak-pihak telah bersetuju dengan nyata bahawa perkara perjanjian timbang tara berkait dengan lebih daripada satu Negara berdaulat;

**"timbang tara domestik"** ertinya mana-mana timbang tara yang bukan suatu timbang tara antarabangsa.

2. i) Di mana pihak-pihak untuk suatu kontrak telah menyediakan secara bertulis untuk merujuk kepada timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini, maka pertikaian-(pertikaian) sedemikian hendaklah dirujuk dan akhirnya ditentukan mengikut Kaedah-Kaedah ini. Kaedah-Kaedah ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana pindaan yang Pusat boleh buat untuk berkuat kuasa pada atau sebelum permulaan timbang tara, melainkan jika pihak-pihak telah bersetuju sebaliknya.

- ii) Di mana tempat Timbang Tara adalah Malaysia, Seksyen 41, Seksyen 42, Seksyen 43 dan Seksyen 46 Akta Timbang Tara Malaysia 2005 [Pindaan 2011] tidak terpakai.

## **Perkara 2**

### **Pemberitahuan atau Komunikasi Bertulis**

1. Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, notis, pernyataan, penghujahan atau lain-lain dokumen yang digunakan dalam timbang tara boleh dihantar kepada pihak itu sendiri atau dihantar dengan meninggalkan dokumen itu di tempat tinggal biasa, tempat urusan atau alamat surat-menyeratnya; atau, jika tiada satu pun tempat-tempat ini dapat dipastikan selepas dibuat suatu siasatan yang munasabah, maka dokumen boleh dihantar dengan meninggalkannya di tempat tinggal atau tempat urusan pihak itu yang terakhir diketahui.
2. Jika suatu pihak diwakili oleh peguambela dan peguam cara atau mana-mana ejen lain yang dibenarkan berkenaan dengan prosiding timbang tara, semua notis atau lain-lain dokumen yang diperlukan yang akan diberi atau diserahkan untuk tujuan prosiding timbang tara bersama dengan semua keputusan, arahan dan award yang dibuat atau dikeluarkan oleh tribunal timbang tara hendaklah dikira sebagai diserahkan dengan sebenarnya jika diserahkan kepada peguambela dan peguam cara atau ejen yang dibenarkan itu.
3. Tarikh yang suatu pihak telah ada notis suatu dokumen atau sepatutnya ada secara munasabah dianggap menjadi tarikh dokumen tersebut dihantar kepada pihak itu. Penghantaran dokumen

ke Pusat atau pegawainya hendaklah menurut Kaedah-Kaedah ini.

4. Tanpa prejudis terhadap keberkesanan mana-mana komunikasi bertulis yang lain, komunikasi bertulis boleh berupa faks, emel atau apa-apa cara penghantaran elektronik yang lain yang dihantar ke suatu nombor, alamat atau tempat suatu pihak. Penghantaran itu disifatkan telah diterima pada hari penghantaran.
5. Bagi maksud pengiraan tempoh masa di bawah Kaedah-Kaedah ini, tempoh itu hendaklah bermula pada hari selepas hari bila notis, pernyataan, penghujahan atau lain-lain dokumen diterima. Jika hari terakhir tempoh itu adalah cuti awam atau hari tidak bekerja di tempat tinggal atau tempat urusan penerima, tempoh itu dilanjutkan sehingga hari bekerja pertama yang berikutnya. Hari cuti awam atau hari tidak bekerja yang berlaku semasa berjalannya tempoh masa itu adalah termasuk di dalam pengiraan tempoh itu.

### ***Perkara 3 Permulaan Timbang Tara***

1. Prosiding timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah disifatkan telah bermula bila pihak yang memulakan timbang tara ini ("Pihak Menuntut") menghantar kepada pihak satu lagi ("Responden") suatu notis secara bertulis yang menyatakan hasratnya untuk memulakan timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini ("Notis Timbang Tara"). Satu salinan Notis Timbang Tara hendaklah dihantar pada masa yang sama ke Pusat dan ditandakan untuk perhatian Pengarah.

2. Notis Timbang Tara hendaklah mengandungi:

- a) Nama-nama, alamat surat-menurut, nombor telefon dan faksimili pihak-pihak dan peguam mereka;
- b) Suatu ulasan ringkas tentang perkara berkaitan yang dalam pertikaian pihak-pihak;
- c) rujukan mengenai perjanjian yang mana pertikaian akan ditimbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini;
- d) Nama dan butiran profesional sekurang-kurangnya 1 individu yang dicalonkan oleh Pihak Menuntut sebagai calon untuk berperanan sebagai penimbang tara tunggal atau nama dan butiran profesional penimbang tara yang dilantik oleh Pihak Menuntut dengan sempurnanya di mana terdapat persetujuan terdahulu untuk 3 panel penimbang tara;
- e) Satu permintaan kepada pihak yang lain untuk bersetuju dengan pelantikan penimbang tara tunggal atau untuk melantik penimbang tara dengan sempurna sama ada terdapat persetujuan terdahulu untuk 3 penimbang tara;
- f) Satu salinan perjanjian timbang tara; dan
- g) Satu Pernyataan Kes yang komprehensif menurut Perkara 7 yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Pihak Menuntut.

3. Salinan Notis Timbang Tara yang dihantar ke Pusat hendaklah disertai dengan cek yang dibuat kepada Pusat dalam jumlah yang boleh dari semasa ke semasa ditentukan oleh Pusat sebagai jika pendaftaran tidak dikembalikan untuk memulakan timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini.

#### **Perkara 4**

#### **Pelantikan Tribunal Timbang Tara**

1. Melainkan jika pihak-pihak telah bersetuju sebaliknya, mana-mana timbang tara yang dijalankan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dijalankan oleh penimbang tara tunggal yang pelantikannya hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh pihak-pihak dalam tempoh 7 hari daripada permulaan timbang tara.
2. Jika pihak-pihak gagal mencapai suatu persetujuan secara bertulis mengenai pelantikan penimbang tara tunggal dalam tempoh 7 hari daripada permulaan timbang tara, Pengarah hendaklah melantik penimbang tara tunggal, memberitahu pihak-pihak itu tentang pelantikan dan memberikan pihak-pihak itu nama dan alamat surat-menjurat tribunal timbang tara.
3. Jika tribunal timbang tara hendaklah terdiri daripada tiga penimbang tara:
  - a) Setiap pihak hendaklah melantik 1 penimbang tara dalam masa 7 hari dari tarikh bermulanya timbang tara, atau lebih lama dengan syarat lanjutan masa telah dipohon dan diberikan oleh Pengarah sebelum luput tempoh 7 hari;

- b) Jika satu pihak telah gagal melantik seorang penimbang tara dalam tempoh 7 hari daripada permulaan timbang tara dan telah gagal untuk meminta lanjutan masa bagi pelantikan itu sebelum luput tempoh 7 hari Pengarah hendaklah melantik penimbang tara kedua, memberitahu pihak-pihak itu tentang pelantikan itu dan memberi pihak-pihak itu nama dan alamat surat-menyurat penimbang tara kedua.;
- c) Jika kedua-dua penimbang tara yang dikatakan tidak melantik seorang pengerusi penimbang tara dalam masa 10 hari bekerja dari satu panggilan kepada yang lain untuk berbuat demikian, Pengarah hendaklah melantik pengerusi penimbang tara, memberitahu pihak-pihak itu tentang pelantikan, dan memberikan pihak-pihak itu nama dan alamat surat-menyurat pengerusi penimbang tara;
- d) Satu pendengaran lisan substantif hendaklah diteruskan hanya selepas 3 penimbang tara telah dilantik;
- e) Selepas pelantikan pengerusi penimbang tara, keputusan, perintah atau award hendaklah dibuat oleh semua atau majoriti penimbang tara;
- f) Pandangan penimbang tara pengerusi hendaklah terpakai berhubung dengan suatu keputusan, perintah atau award berkenaan dengan di mana tiada kesepakatan mahupun majoriti di bawah Perkara 4 Kaedah 3 (f) di atas.

4. Permintaan untuk pelantikan tribunal timbang tara hendaklah disertai dengan cek yang dibuat untuk Pusat dalam jumlah yang boleh dari semasa ke semasa ditentukan oleh Pusat sebagai fi pelantikan.
5. Atas pelantikan tribunal timbang tara (sama ada dengan persetujuan pihak-pihak atau pelantikan oleh Pengarah), Pihak Menuntut hendaklah dengan segera menyampaikan satu salinan Notis Timbang Tara kepada tribunal timbang tara.

### ***Perkara 5***

#### ***Kebebasan Dan Kesaksamaan Tribunal Timbang Tara***

1. Tribunal timbang tara yang menjalankan timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dan kekal pada setiap masa bebas dan saksama, dan hendaklah tidak bertindak sebagai peguambela untuk mana-mana pihak.

### ***Perkara 6***

#### ***Undang-Undang, Prosedur Dan Bidang Kuasa***

1. Tribunal timbang tara hendaklah memakai undang-undang yang ditetapkan oleh pihak-pihak seperti yang terpakai bagi isi pertikaian ini. Sekiranya tiada penetapan dibuat oleh pihak-pihak tersebut, tribunal timbang tara hendaklah memakai undang-undang yang ditentukan oleh kaedah-kaedah konflik undang-undang, yang mana ia berpendapat terpakai.

2. Tempat timbang tara ialah Malaysia. Undang-undang timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah Akta.
3. Suatu award yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah disifatkan sebagai award yang dibuat di Malaysia.
4. Melainkan jika dipersetujui sebaliknya, bahasa timbang tara hendaklah Bahasa Inggeris.
5. Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, tribunal timbang tara mempunyai kuasa yang dibenarkan oleh undang-undang dan di bawah Akta untuk memastikan penentuan yang adil, cepat dan cekap, ekonomi dan muktamad berkaitan dengan pertikaian yang dirujuk. Dalam hal ini, tribunal timbang tara hendaklah menjalankan timbang tara dengan cara yang tribunal timbang tara anggap wajar, menjaga pada setiap masa bahawa tribunal timbang tara hendaklah memastikan pihak-pihak dilayan sama rata dan diberi peluang yang munasabah untuk mengemukakan kes mereka. Tanpa mengehadkan keluasan yang disebut di atas, kuasa dan bidang kuasa tribunal timbang tara untuk mencapai penentuan yang adil, cepat dan cekap, ekonomi dan muktamad berkaitan dengan pertikaian yang dirujuk hendaklah merangkumi kuasa dan bidang kuasa untuk:
  - a) Mewujudkan apa-apa prosedur lain yang tidak dirangkumi oleh Kaedah-Kaedah ini yang disifatkan sesuai;
  - b) Mengarahkan apa-apa penghujahan atau lain-lain bahan untuk dihantar secara bertulis atau secara elektronik;

- c) Mengehadkan penghujahan atau pengemukaan apa-apa dokumen oleh pihak-pihak;
- d) Mengarahkan pendedahan tertentu dan penzahiran dokumen terhad yang dikenal pasti atau dokumen berkaitan yang masih belum dikemukakan dalam pernyataan kes, pembelaan atau jawapan, atas permohonan oleh suatu pihak berdasarkan alasan yang boleh diwajarkan; dan bahawa jika dokumen berkaitan itu tidak dizahirkan oleh pihak yang lain dalam tempoh masa yang ditentukan, membuat inferens buruk dalam awardnya, sekiranya ia berpendapat bahawa pihak lain itu ingkar tentang kewajipan penzahirannya;
- e) Menetapkan tarikh akhir untuk mana-mana prosedur termasuk penghujahan dan pengemukaan dokumen dan sekiranya ingkar akan tarikh akhir untuk meneruskan timbang tara sewajarnya tanpa meletakkan apa-apa keberatan ke atas mana-mana penghujahan atau pengemukaan dokumen yang tidak menepati tarikh akhir;
- f) Memakai pengetahuan kepakaran tribunal timbang tara dengan syarat pihak-pihak diberi peluang untuk mengutarakan apa-apa isu berkaitan dengan pengetahuan kepakaran yang tribunal timbang tara ingin pakai untuk award;
- g) Mengehadkan penggunaan keterangan pakar atau keterangan pakar tambahan melainkan kebenaran diperoleh terlebih dahulu dan apa-apa terma yang dikenakan oleh tribunal timbang tara dipatuhi. Apa-apa permohonan untuk kebenaran bagi mengemukakan

keterangan pakar mesti dibuat dalam tempoh 14 hari selepas penghantaran Pernyataan Jawapan. Dalam kes keterangan pakar tambahan apa-apa permohonan untuk kebenaran itu mesti dibuat oleh pihak yang berhasrat untuk mengemukakan keterangan itu dalam tempoh 14 hari penghantaran/pertukaran laporan pakar, sekiranya tidak dipohon tiada pernyataan saksi tambahan boleh dikemukakan di dalam keterangan oleh pihak itu;

- h) Melantik pakar bebas untuk menyiasat dan melapor tentang hal tertentu dengan kebenaran pihak-pihak berkenaan dengan pelantikan dan kos yang berkaitan dengannya, dan menghendaki pihak-pihak untuk memberi pakar itu apa-apa maklumat berkenaan atau untuk mengemukakan, atau untuk memberikan capaian kepada mana-mana dokumen, barang atau harta benda berkaitan untuk pemeriksaan oleh pakar itu;
- i) Mengarahkan pihak-pihak itu membuat mana-mana harta atau benda tersedia untuk pemeriksaan dan untuk menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas mana-mana perkara atau item yang berkaitan dengan perkara yang dirujuk kepada timbang tara;
- j) Jika pihak-pihak itu bersetuju, menambah pihak-pihak lain (dengan kebenaran mereka) untuk disatukan dalam timbang tara dan membuat award muktamad tunggal yang menentukan semua pertikaian antara mereka;

- k) Menjadikan arahan-arahan tentang prosedur dan proses untuk pendengaran lisan substantif yang mungkin perlu untuk penentuan wajar tentang pertikaian yang dirujuk termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- i) Mengarahkan bahawa mana-mana pihak yang berhasrat untuk mengemukakan dalam keterangan pernyataan saksi-saksi fakta mesti memberi notis akan niat itu dalam tempoh masa yang ditentukan;
  - ii) Cara di mana masa dalam pendengaran digunakan termasuk masa dihadkan untuk pemeriksaan balas atau pemeriksaan semula diperuntukkan untuk setiap pihak;
  - iii) Mengarahkan bahawa keterangan utama mana-mana saksi akan dihadkan hanya kepada pernyataan saksi yang diikrarkan dan tiada pemeriksaan lanjut berkenaan dengan mana-mana saksi dibenarkan kecuali untuk pembetulan kepada pernyataan saksi dan arahan untuk pertukaran serentak pernyataan-pernyataan saksi ini;
  - iv) Mengarahkan bahawa pernyataan saksi dalam jawapan boleh diserah simpan jika pihak-pihak memilih untuk berbuat demikian dan menjadikan arahan-arahan untuk pertukaran serentak pernyataan-pernyataan saksi ini;
  - v) Mengarahkan bahawa melainkan pihak-pihak yang berhak untuk memeriksa-balas bersetuju untuk mengenepikan, membuat

- mana-mana pernyataan saksi dan/atau pihak atau pihak-pihak yang dikenal pasti dalam pernyataan itu dan/atau bukti yang menyokong mesti tersedia untuk pemeriksaan-balas semasa pendengaran, sekiranya ingkar, tribunal timbang tara boleh memilih sama ada untuk meneruskan pendengaran dan meletakkan keberatan itu ke atas pernyataan atau keterangannya sebagai mana tribunal timbang tara sifatkan adil dan wajar; atau meneruskan pendengaran dan mengecualikan langsung pernyataan atau keterangan;
- vi) Mengarahkan bahawa dengan ketiadaan apa-apa pernyataan saksi, Pernyataan Kes, Pernyataan Pembelaan (dan Tuntutan Balas, jika ada) dan Pernyataan Jawapan (dan Pembelaan kepada Tuntutan Balas, jika berkenaan) pihak-pihak yang ditandatangan hendaklah menjadi keterangan pihak-pihak semasa pendengaran;
  - vii) Mengarahkan had atau menetapkan bilangan saksi dan/atau pakar yang akan diuruskan semasa pendengaran;
  - viii) Mengarahkan bahawa apa-apa isu untuk saksi atau pakar tertentu diperiksa-balas tidak berkenaan dan tidak diutarakan semasa pendengaran
  - ix) Mengarahkan bahawa apa-apa isu lain yang saksi atau pakar tertentu diperiksa balas selain daripada mereka yang diluluskan oleh tribunal timbang tara, tidak akan diberi keberatan;

- x) Memerintahkan interrogatori pra-pendengaran dijawab;
- xi) Menjalankan sendiri soal siasat saksi atau pakar atau membuat siasatan itu jika boleh dianggap perlu kepada tribunal timbang tara dengan syarat pihak-pihak diberi peluang untuk mengutarakan apa-apa fakta dan/atau undang-undang yang tribunal timbang tara ingin pakai untuk award;
- xii) Menghendaki dua orang atau lebih saksi dan/atau pakar untuk memberi keterangan mereka bersama-sama;
- xiii) Mengarahkan penghujahan bertulis, jika dikehendaki, dikemukakan dan ditukar serentak dengan hak terhad untuk penghujahan balas bertulis yang cepat dan cekap;
- xiv) Melanjutkan mana-mana had masa yang ditentukan oleh Kaedah-Kaedah sehingga 7 hari, dan dengan kebenaran Pengarah sehingga 14 hari. Pengarah boleh dalam keadaan-keadaan luar biasa, atas perundingan dengan tribunal timbang tara dan pihak-pihak, melanjutkan lagi masa.

## ***Perkara 7***

### ***Pernyataan Kes***

1. Tanpa mengehadkan sifat komprehensifnya, "Pernyataan Kes" hendaklah mengandungi maklumat berikut:
  - a) Pernyataan fakta-fakta dan butiran mencukupi yang menyokong kedudukan Pihak Menuntut dalam kes ini dan mana-mana tuntutan yang berkaitan;
  - b) Salinan semua dokumen yang pernyataan fakta-fakta dan butiran yang mencukupi bergantung padanya;
  - c) Salinan mana-mana dokumen lain yang dianggap berkenaan dengan kes dan tuntutan Pihak Menuntut;
  - d) Penghujahan fakta dan undang-undang yang menyokong kedudukan Pihak Menuntut dan salinan mana-mana nas undang-undang tertentu yang Pihak Menuntut berniat untuk bergantung padanya;
  - e) Semua item relief dan remedи yang diminta oleh Pihak Menuntut; dan
  - f) Semua item tuntutan yang boleh dinyatakan kuantitinya hendaklah disertakan dengan pengiraan dan pecahan yang berkenaan untuk mengesahkan kuantum (di mana berkenaan).

**Perkara 8**  
**Pernyataan Pembelaan**  
**(Dan Tuntutan Balas, Jika Ada)**

1. Dalam tempoh 28 hari daripada permulaan timbang tara, Responden hendaklah menghantar kepada tribunal timbang tara dan Pihak Menuntut “Pernyataan Pembelaan” yang komprehensif terhadap Pernyataan Kes Pihak Menuntut, ditandatangan oleh atau bagi pihak Responden. Sekiranya Responden berhasrat untuk memajukan suatu tuntutan balas terhadap Pihak Menuntut, satu pernyataan kes dan tuntutan yang komprehensif berkaitan dengan tuntutan balas yang ditandatangan oleh Responden mesti disertakan di dalam dokumen yang sama seperti Pernyataan Pembelaan dan dokumen itu hendaklah diberi tajuk “Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas”.
2. Tanpa mengehadkan sifat komprehensifnya, Pernyataan Pembelaan (dan Tuntutan Balas, jika ada) hendaklah mengandungi maklumat berikut:
  - a) Satu pengesahan atau penafian tentang kes dan tuntutan Pihak Menuntut;
  - b) Satu pernyataan fakta dan butiran mencukupi yang menyokong kedudukan Responden dalam pembelaan kes dan tuntutan;
  - c) Salinan semua dokumen yang pernyataan fakta dan butiran mencukupi bergantung padanya;
  - d) Salinan mana-mana dokumen lain yang dianggap berkenaan dengan pembelaan Responden;

- e) Penghujahan fakta dan undang-undang yang menyokong kedudukan Responden dan salinan mana-mana nas undang-undang tertentu yang Responden bermiat untuk bergantung padanya;
  - f) Satu pengenalpastian persetujuan atau percanggahan kepada mana-mana dokumen yang dikemukakan oleh Pihak Menuntut di dalam Pernyataan Kes dan penghujahan tentang alasan-alasan percanggahan; dan
  - g) Sekiranya suatu tuntutan balas dimajukan oleh Responden, maklumat dan dokumen yang sama jenisnya dengan yang Pihak Menuntut berkewajipan untuk menyediakannya di bawah Kaedah-Kaedah ini berkenaan dengan Pernyataan Kes.
3. Dalam tempoh 7 hari daripada penerimaan Pernyataan Pembelaan Responden (dan tuntutan balas, jika ada), Pihak Menuntut hendaklah menghantar kepada tribunal timbang tara dan Responden suatu "Pernyataan Jawapan" yang komprehensif terhadap pembelaan Responden yang ditandatangan oleh atau bagi pihak Pihak Menuntut. Sekiranya Responden telah memajukan suatu tuntutan balas terhadap Pihak Menuntut, suatu pernyataan pembelaan yang komprehensif terhadap tuntutan balas Responden yang ditandatangan oleh atau bagi pihak Pihak Menuntut mesti disertakan di dalam dokumen yang sama seperti Pernyataan Jawapan dan dokumen itu hendaklah diberi tajuk "Pernyataan Jawapan dan Pembelaan terhadap Tuntutan Balas".

4. Tanpa mengehadkan sifat komprehensifnya, Pernyataan Jawapan (dan Pembelaan terhadap Tuntutan Balas, jika berkenaan) hendaklah mengandungi maklumat berikut:
  - a) Suatu pengesahan atau penafian terhadap pembelaan Responden;
  - b) Satu pernyataan fakta dan butiran mencukupi yang menyokong kedudukan Pihak Menuntut dalam jawapan kepada pembelaan Responden;
  - c) Salinan semua dokumen yang pernyataan fakta dan butiran mencukupi bergantung kepadanya;
  - d) Salinan mana-mana dokumen lain yang dianggap berkenaan dengan jawapan Pihak Menuntut;
  - e) Penghujahan fakta dan undang-undang yang menyokong kedudukan Pihak Menuntut dan salinan mana-mana nas undang-undang tertentu yang Pihak Menuntut berniat untuk bergantung padanya;
  - f) Satu pengenalpastian persetujuan atau percanggahan kepada mana-mana dokumen yang dikemukakan oleh Responden dalam Pernyataan Pembelaan dan penghujahan tentang alasan-alasan percanggahan; dan
  - g) Sekiranya suatu pembelaan kepada tuntutan balas dimajukan oleh Pihak Menuntut, maklumat dan dokumen yang sama jenisnya dengan yang Responden berkewajipan untuk menyediakannya di bawah Kaedah-Kaedah ini berkaitan dengan Pernyataan Pembelaan.

5. Jika Responden memajukan suatu tuntutan balas dan Pihak Menuntut menghantar suatu Pernyataan Jawapan dan Pembelaan terhadap Tuntutan Balas, maka dalam tempoh 7 hari daripada penerimaan Pernyataan Jawapan dan Pembelaan terhadap Tuntutan Balas Pihak Menuntut, Responden hendaklah menghantar kepada tribunal timbang tara dan Pihak Menuntut satu Pernyataan Jawapan (Jawapan Responden) yang komprehensif mengandungi maklumat dan dokumen yang sama jenisnya dengan yang Pihak Menuntut berkewajipan untuk menyediakannya di bawah Kaedah-Kaedah ini berkenaan dengan Pernyataan Jawapan.
6. Jika Responden tidak memajukan suatu tuntutan balas, maka dalam tempoh 7 hari daripada penerimaan Pernyataan Jawapan Pihak Menuntut, Responden hendaklah menghantar kepada tribunal timbang tara dan Pihak Menuntut satu pengenalpastian persetujuan atau percanggahan kepada mana-mana dokumen yang dihasilkan oleh Pihak Menuntut dalam Pernyataan Jawapan dan penghujahan tentang alasan-alasan percanggahan, yang ditandatangan oleh atau bagi pihak Responden.
7. Jika terdapat Jawapan Responden, maka dalam tempoh 7 hari daripada penerimaan Jawapan Responden, Pihak Menuntut hendaklah menghantar kepada tribunal timbang tara dan Responden satu pengenalpastian persetujuan atau percanggahan kepada mana-mana dokumen yang dikemukakan oleh Responden dalam Jawapan Responden dan penghujahan tentang alasan-alasan percanggahan, yang ditandatangan oleh atau bagi pihak Pihak Menuntut.

**Perkara 9****Timbang Tara Dokumen Sahaja**

1. Sekiranya pihak-pihak bersetuju dengan nyata secara bertulis untuk timbang tara dokumen sahaja, tribunal timbang tara hendaklah, atas penerimaan dokumen terakhir yang dihantar di bawah Perkara 8 di atas, terus untuk mempertimbangkan pertikaian dan menerbitkan award menurut Kaedah-Kaedah ini.
2. Kehadiran fizikal pihak-pihak untuk pendengaran lisan substantif tidak diperlukan dalam timbang tara dokumen sahaja melainkan, dalam keadaan-keadaan luar biasa, tribunal timbang tara menyifatkannya perlu untuk penyelesaian pertikaian.
3. Sekiranya amaun agregat tuntutan dan/atau tuntutan balas dalam pertikaian kurang daripada USD75,000.00 atau tidak berkemungkinan melebihi USD75,000.00 untuk suatu timbang tara antarabangsa; atau kurang daripada RM150,000.00 atau tidak berkemungkinan melebihi RM150,000.00 dalam timbang tara domestik, timbang tara ini hendaklah diteruskan sebagai timbang tara dokumen sahaja, melainkan penimbang tara menyifatkannya perlu untuk diteruskan dengan cara pendengaran lisan substantif atas perundingan dengan pihak-pihak.

**Perkara 10**  
**Perjumpaan Pengurusan Kes**

1. Sekiranya timbang tara bukan timbang tara dokumen sahaja, tribunal timbang tara hendaklah mengadakan perjumpaan yang dihadiri oleh semua pihak ("Perjumpaan Pengurusan Kes") tidak lewat daripada 8 minggu daripada tarikh permulaan timbang tara. Perjumpaan Pengurusan Kes boleh dijalankan melalui perjumpaan bersemuka, persidangan video, telefon atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang dipersetujui oleh pihak-pihak atau sekiranya tiada persetujuan, yang ditentukan oleh tribunal timbang tara.
2. Dalam Perjumpaan Pengurusan Kes, tribunal timbang tara hendaklah menyiasat status timbang tara dan hendaklah mempertimbangkan arah perjalanan timbang tara selanjutnya. Tambahan kepada kuasa dan bidang kuasa tribunal timbang tara seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah ini, tribunal timbang tara hendaklah juga memberi:
  - a) Arahan untuk pengemukaan dan pertukaran mana-mana pernyataan kes, pembelaan atau jawapan atau pematuhan terhadap mana-mana prosedur sebelumnya yang lain dalam Kaedah-Kaedah ini [jika pihak-pihak telah gagal untuk bertukar pernyataan itu atau mematuhi prosedur itu dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Kaedah-Kaedah ini] dilakukan dalam bilangan hari yang lebih singkat daripada yang ditentukan di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk pihak yang gagal berbuat demikian dalam tindakan asal. Walau apa pun, masa itu hendaklah tidak lebih lama daripada tempoh-tempoh yang ditentukan di bawah Kaedah-Kaedah ini;

- b) Arahan bahawa mana-mana pendengaran lisan substantif hendaklah diadakan di premis Pusat melainkan jika pihak-pihak bersetuju sebaliknya;
- c) Arahan berkaitan dengan prosedur dan proses untuk pendengaran lisan substantif yang mungkin perlu untuk penentuan pertikaian(-pertikaian) yang cepat dan cekap dalam rujukan ini berdasarkan kuasa dan bidang kuasa yang diberi kepada tribunal timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini;
- d) Arahan bahawa semua atau mana-mana permohonan untuk arahan atau perintah selanjutnya hendaklah dihantar kepada tribunal timbang tara tidak lewat daripada 7 hari daripada tarikh penghantaran Pernyataan Jawapan, (jika pernyataan itu belum lagi ditukar menurut Kaedah-Kaedah ini), atau 14 hari daripada tarikh Perjumpaan Pengurusan Kes (jika permohonan itu belum lagi dihantar kepada tribunal timbang tara pada masa itu) dan arahan-arahan bahawa permohonan(-permohonan) itu mesti disokong oleh satu pernyataan yang ditandatangan oleh atau bagi pihak pihak yang mengemukakan sebab-sebab untuk permohonan itu dan semua dokumen sokongan yang berkenaan. Tribunal timbang tara hendaklah kemudiannya mengarahkan dengan sewajarnya tentang prosedur untuk penentuan cepat dan cekap permohonan(-permohonan) itu;
- e) Arahan-arahan bahawa mana-mana dan semua permohonan untuk arahan selanjutnya yang dihantar kepada tribunal timbang tara selepas

had masa yang disyaratkan dalam Perkara 10 Kaedah 2(d) boleh ditolak oleh Tribunal Timbang Tara atas alasan tunggal bahawa ia tidak dihantar menurut had-had masa tersebut. Namun, tribunal timbang tara boleh mempertimbangkan permohonan-permohonan untuk arahan-arahan selanjutnya yang dihantar selepas had masa yang disyaratkan dalam Perkara 10 Kaedah 2(d) jika tribunal timbang tara berpendapat bahawa permohonan itu perlu untuk penyelesaian timbang tara yang adil.

3. Sekiranya timbang tara bukan timbang tara dokumen sahaja, tribunal timbang tara boleh, jika wajar dalam semua keadaan, tidak memerlukan Perjumpaan Pengurusan Kes tetapi hendaklah tidak lewat daripada 8 minggu selepas permulaan timbang tara, mengeluarkan arahan-arahan itu di mana perlu atau wajar di bawah Perkara 10 Kaedah 2.

### ***Perkara 11 Pendengaran Lisan Substantif***

1. Sekiranya timbang tara bukan timbang tara dokumen sahaja, tribunal timbang tara hendaklah mengarahkan bahawa pendengaran lisan substantif dijalankan secepat mungkin yang munasabah dan dalam apa-apa hal memulakannya tidak lebih daripada 20 hari selepas selesai semua proses dan prosedur sebelum pendengaran lisan substantif dan bahawa pendengaran lisan substantif hendaklah disempurnakan tidak lewat daripada 125 hari daripada permulaan timbang tara. Tribunal timbang tara hendaklah juga mengarahkan bahawa pendengaran lisan substantif tidak melebihi satu tempoh 6 hari bekerja.

2. Tribunal timbang tara boleh, jika dipersetujui oleh pihak-pihak, mengarahkan suatu tempoh masa yang lebih singkat untuk permulaan pendengaran lisan substantif daripada selesainya semua prosedur dan proses sebelum pendengaran lisan substantif dan/atau, mengarahkan suatu tempoh masa yang lebih singkat untuk menyempurnakan pendengaran lisan substantif daripada permulaan timbang tara dan/atau, mengarahkan suatu tempoh masa yang lebih singkat untuk pendengaran lisan substantif itu sendiri.
3. Pihak-pihak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil setiap peluang untuk menjimatkan masa di mana mungkin bagi mencapai tempoh-tempoh maksimum yang dinyatakan dalam Perkara 11 Kaedah 1 di atas.
4. Semua pihak boleh, dengan persetujuan tribunal timbang tara, melanjutkan tempoh-tempoh maksimum yang dinyatakan dalam Perkara 11 Kaedah 1 di atas sehingga sepuluh (10) hari maksimum lagi berkenaan dengan permulaan pendengaran lisan substantif daripada penyempurnaan semua prosedur dan proses sebelum pendengaran lisan substantif dan/atau 30 hari maksimum lagi berkenaan dengan penyempurnaan pendengaran lisan substantif daripada permulaan timbang tara. Tempoh untuk pendengaran lisan substantif itu sendiri boleh dilanjutkan hanya sebanyak 4 hari bekerja lagi maksimum dengan persetujuan pihak-pihak dan tribunal timbang tara.

***Perkara 12  
Award***

1. Disebabkan kepentingan utama untuk penentuan cepat dan cekap pertikaian(-pertikaian) yang dirujuk secara keseluruhannya, pihak-pihak bersetuju bahawa mereka tidak akan memohon untuk award interim di bawah Kaedah-Kaedah ini. Tambahan lagi, pihak-pihak juga bersetuju bahawa Seksyen 41 Akta dipilih untuk diketepikan daripada persetujuan timbang tara pihak-pihak.
2. Tribunal timbang tara boleh mendengar permohonan berikut untuk keputusan dan diberi kuasa untuk menentukan yang berikut:
  - a) Permohonan untuk kebenaran bagi meminda pernyataan atau lain-lain dokumen yang tersebut sebelumnya dalam timbang tara;
  - b) Permohonan-permohonan untuk pendedahan tertentu dokumen dan fakta-fakta;
  - c) Permohonan lanjut untuk arahan atau lain-lain yang dianggap oleh tribunal timbang tara sebagai perlu untuk penyelesaian adil dan wajar kepada pertikaian di bawah timbang tara; dan
  - d) Tanpa prejudis kepada kuasa am diberikan kepada tribunal timbang tara di bawah Perkara 6 Kaedah 5, membuat arahan tentang kos berhubung dengan Perkara 12 Kaedah 2 (a) hingga (c) di atas.

Dalam mempertimbangkan mana-mana permohonan di bawah kaedah ini, tribunal timbang tara hendaklah memberi perhatian yang wajar untuk memastikan penentuan yang adil, cepat dan cekap kepada pertikaian yang dirujuk secara keseluruhannya.

3. Award hendaklah menyatakan alasan-alasan yang didasarkan. Award hendaklah ditandatangan oleh tribunal timbang tara dan hendaklah mengandungi tarikh dan tempat di mana award dibuat.
4. Berhubung dengan timbang tara dokumen sahaja, tribunal timbang tara hendaklah menerbitkan award muktamad dengan cepat dan cekap dan tidak lewat daripada 90 hari daripada permulaan timbang tara.
5. Berhubung dengan suatu timbang tara dengan pendengaran lisan substantif, tribunal timbang tara hendaklah menerbitkan award muktamad dengan cepat dan cekap dan tidak lewat daripada 160 hari daripada permulaan timbang tara tertakluk kepada pelanjutan yang setara itu yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dan tribunal timbang tara di bawah Perkara 11 Kaedah 4.

### ***Perkara 13*** ***Pelanjutan Masa Untuk Award***

1. Jika pada pendapat tribunal timbang tara bahawa award muktamad tidak boleh diterbitkan dalam had masa yang ditentukan dalam Kaedah-Kaedah ini, tribunal timbang tara hendaklah, tidak lewat daripada 14 hari sebelum habisnya had masa tersebut memberitahu Pengarah dan pihak-

pihak secara bertulis dengan menerangkan dan menjustifikasikan alasan-alasan untuk kelewatan, menyatakan tarikh anggaran yang disemak untuk penerbitan award itu dan meminta kebenaran Pengarah dahulu untuk pelanjutan masa untuk penerbitan award itu.

### **Perkara 14**

#### **Kos Dan Belanja Timbang Tara**

1. Istilah “kos” hanya merangkumi:

- a) Fi tribunal timbang tara hendaklah dinyatakan berasingan kepada setiap penimbang tara dan hendaklah ditetapkan oleh tribunal timbang tara itu sendiri menurut Perkara 19;
- b) Belanja perjalanan dan lain-lain belanja yang munasabah yang ditanggung oleh penimbang tara;
- c) Kos nasihat pakar dan lain-lain bantuan yang munasabah yang diperlukan oleh tribunal timbang tara;
- d) Belanja perjalanan dan lain-lain belanja yang munasabah oleh saksi setakat belanja itu diluluskan oleh tribunal timbang tara;
- e) Kos undang-undang dan lain-lain kos yang ditanggung oleh pihak-pihak berkaitan dengan timbang tara setakat tribunal timbang tara tentukan bahawa amaun kos itu munasabah.

2. Kos hendaklah diawardkan berdasarkan satu ringkasan dan perdagangan dan dalam cara dan amaun yang tribunal timbang tara hendaklah dalam pertimbangan muktamadnya berpendapat adil, munasabah dan setimpal dengan hal dalam pertikaian. Tribunal timbang tara hendaklah menetapkan amaun kos itu. Tidak boleh ada penetapan atau semakan semula oleh Mahkamah Tinggi ke atas kos, fi dan belanja itu.
3. Kos boleh dapat balik dihadkan supaya tiada pihak berhak untuk mendapat balik lebih daripada suatu jumlah yang setara dengan 30% daripada jumlah amaun tuntutan dan tuntutan balas (jika ada) dalam timbang tara dokumen sahaja dan 50% dalam timbang tara dengan pendengaran lisan substantif. Bagi mengelakkan keraguan, peratusan ini adalah angka maksimum dan tribunal timbang tara boleh pada bila-bila masa, dan pada pertimbangan muktamadnya, mengehadkan kos pihak-pihak kepada suatu peratusan yang lebih rendah.
4. Jika relief deklatori atau lain-lain relief bukan wang diminta, tribunal timbang tara akan, selepas penyempurnaan penghujahan pembukaan dan dalam pertimbangan tunggalnya, memutuskan apa had keseluruhan ke atas kos akan dikenakan.
5. Bagi membolehkan tribunal timbang tara menilai kos, setiap pihak akan menyediakan pecahan kos-kos itu sebaik sahaja tribunal timbang tara bersedia untuk meneruskan kepada awardnya.

**Perkara 15****Penepian Bantahan Dan Masa Untuk Mencabar**

1. Bagi maksud Seksyen 7 Akta, had masa untuk apa-apa bantahan ialah 7 hari.
2. Bagi maksud Seksyen 15(1) Akta, had masa untuk apa-apa cabaran menurut peruntukan tersebut ialah 7 hari.

**Perkara 16****Pengecualian**

1. Pihak-pihak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Pusat, pegawainya, pekerjanya, ejennya dan jawatankuasanya ke atas apa-apa yang dilakukan atau tidak dilakukan dalam melaksanakan atau bermaksud melaksanakan apa-apa kuasa, fungsi atau kewajipan di bawah Kaedah-Kaedah ini atau berkenaan dengan mana-mana tribunal timbang tara atau timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini.

**Perkara 17****Pendengaran Ex-Parte**

1. Jika tanpa sebab yang mencukupi suatu pihak gagal menghadiri atau diwakili pada mana-mana pendengaran lisan di mana notis yang sempurna telah diberi atau sekiranya suatu pihak gagal selepas notis yang sempurna untuk mengemukakan keterangan bertulis atau menyerah simpan penghujahan bertulis, tribunal timbang tara boleh meneruskan prosiding dengan ketiadaan pihak itu atau jika demikian kes itu, tanpa

apa-apa keterangan bertulis atau penghujahan bertulis bagi pihaknya, dan menyampaikan award berdasarkan keterangan di hadapan tribunal timbang tara.

### ***Perkara 18***

#### ***Kerahsiaan***

1. Pihak-pihak dan tribunal timbang tara hendaklah pada setiap masa menganggap semua hal berkaitan dengan timbang tara dan awardnya sebagai rahsia. Suatu pihak atau mana-mana penimbang tara hendaklah tidak, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak atau pihak-pihak lain, di mana kes mungkin berlaku, mendedahkan kepada pihak ketiga apa-apa hal itu kecuali:
  - a) Bagi maksud membuat suatu permohonan kepada mana-mana mahkamah yang berwibawa;
  - b) Bagi maksud membuat suatu permohonan kepada mahkamah-mahkamah mana-mana Negara untuk melaksanakan award;
  - c) Menurut perintah suatu mahkamah dalam bidang kuasa yang kompeten;
  - d) Dalam mematuhi peruntukan undang-undang mana-mana Negara yang mengikat pihak yang membuat pendedahan; atau
  - e) Dalam mematuhi permintaan atau keperluan mana-mana badan kawal selia atau pihak berkuasa lain yang, jika tidak mengikat masih dipatuhi secara lazimnya oleh pihak yang membuat pendedahan.

***Perkara 19***  
***Fi Tribunal Timbang Tara***

1. Pengarah Pusat hendaklah menetapkan yuran tribunal timbang tara mengikut Jadual Fi.
  - a) Umumnya, skala USD dalam Lampiran A1 bertujuan untuk dipakai untuk timbang tara antarabangsa sementara skala RM dalam Lampiran A2 bertujuan untuk dipakai untuk timbang tara domestik.
2. Fi tribunal timbang tara adalah termasuk bayaran pentadbiran Pusat Bayaran pentadbiran Pusat hendaklah (20%) daripada Fi tribunal timbang tara. Bayaran pentadbiran Pusat hendaklah dipotong daripada (dan tidak ditambah kepada) fi tribunal timbang tara.
3. Fi tribunal timbang tara dan bayaran Pentadbiran Pusat di atas boleh, dalam keadaan luar biasa atau tidak dijangka, dilaraskan dari semasa ke semasa pada pertimbangan Pengarah Pusat.
4. Bagi maksud mengira amaun yang dipertikaikan, nilai apa-apa tuntutan balas dan/atau tolakan akan ditambah kepada jumlah tuntutan.
5. Jika suatu tuntutan atau tuntutan balas tidak menyatakan jumlah wang, nilai yang sesuai untuk tuntutan atau tuntutan balas hendaklah ditentukan oleh Pengarah Pusat dengan berunding dengan tribunal timbang tara dan pihak-pihak bagi tujuan pengiraan yuran penimbang tara dan kos pentadbiran.

6. Menurut Perkara 19 Kaedah 1 dan 2 di atas dan dari semasa ke semasa selepas itu, Pengarah Pusat hendaklah memberitahu dan meminta pihak-pihak untuk menyediakan deposit setiap satu atau tambahan deposit selanjutnya terhadap fi dan bayaran pentadbiran yang dikenakan. Pihak-pihak hendaklah dalam tempoh 14 hari daripada penerimaan permintaan itu membayar deposit itu terus kepada Pusat, dengan syarat pada bila-bila masa permintaan Pusat untuk deposit tidak melebihi secara keseluruhannya fi yang dikenakan.

### ***Perkara 20***

#### ***Deposit dan Bayaran***

1. Pengarah boleh mengenakan deposit terhadap fi dan belanja tribunal timbang tara dan kos pentadbiran Pusat dalam suatu cara dan pada suatu masa yang Pengarah fikir wajar. Apa-apa faedah yang boleh terakru ke atas deposit itu hendaklah disimpan oleh Pusat.
2. Jika mana-mana pihak gagal atau enggan membayar bahagian deposit atau deposit tambahannya seperti yang diminta, Pusat hendaklah memaklumkan pihak-pihak supaya mana-mana pihak lain boleh membuat bayaran yang diminta. Jika bayaran itu kemudiannya tidak dibuat oleh pihak lain dalam masa 14 hari daripada dimaklumkan oleh Pusat (dan jika tiada bayaran diterima daripada pihak yang ingkar), tribunal timbang tara boleh pada pertimbangannya sama ada:
  - a) Meneruskan dengan timbang tara dan pendengaran dan melaksanakan lien ke atas award sehingga semua bayaran daripada

deposit atau deposit tambahan yang tertunggak telah dibayar oleh pihak yang ingkar atau oleh mana-mana pihak lain; atau

- b) Menggantungkan atau menamatkan prosiding timbang tara atau mana-mana bahagian selepas itu sehingga dan melainkan semua deposit yang diminta telah dibayar oleh pihak yang ingkar atau oleh mana-mana pihak lain.
3. Selepas apa-apa award diterbitkan, tribunal timbang tara hendaklah menyerahkan 5 (lima) salinan award termeterai dengan Pusat dan memaklumkan pihak-pihak bahawa mana-mana satu pihak boleh menerima award dengan penjelasan penuh kos award kepada Pusat.
  4. Dalam hal persetujuan bersama isu atau pertikaian antara pihak-pihak sebelum award dibuat, pihak-pihak hendaklah bertanggungjawab bersama dan berasingan untuk membayar kepada tribunal timbang tara apa-apa jumlah tertunggak terhadap fi berkenaan termasuk jika apa-apa deposit yang dibayar sebelum penyelesaian bersama, jika ada, akan didapati tidak mencukupi untuk menampung fi berkenaan. Kaedah ini terpakai tanpa mengira sama ada atau tidak award persetujuan perlu dibuat atau dihantar.
  5. Jika keseluruhan timbang tara atau mana-mana isu diselesaikan pada peringkat pra-pendengaran mengurangkan kuantum yang dituntut, maka fi yang dikenakan hendaklah dikira semula ke atas kuantum baru dan 40% daripada perbezaan antara fi baru dikenakan dan fi dikenakan sebelumnya kena dibayar dalam tempoh 14 hari. Jika penyelesaian berlaku semasa pendengaran

atau selepas pendengaran tetapi sebelum award, 80% daripada fi dikenakan kena dibayar atau jika suatu isu diselesaikan mengurangkan kuantum dituntut maka 80% daripada perbezaan antara fi baru dikenakan dan fi dikenakan sebelumnya kena dibayar dalam tempoh 14 hari.

6. Pihak-pihak hendaklah kekal pertanggungjawabkan bersama dan berasingan kepada Pusat dan tribunal timbang tara untuk bayaran semua fi dan perbelanjaan sehingga ia telah dibayar sepenuhnya walaupun timbang tara ditinggalkan, digantung atau ditamatkan, dengan persetujuan atau sebaliknya, sebelum award muktamad dibuat.

### ***Perkara 21 Pembetulan Award***

1. Dalam tempoh 14 hari daripada penerimaan suatu award, mana-mana pihak atas notis bertulis kepada pihak-pihak lain boleh meminta tribunal timbang tara membetulkan apa-apa kesilapan pengiraan, apa-apa kesilapan perkeranian atau kesilapan taipan, atau kesilapan atau peninggalan dalam award dan tribunal timbang tara boleh dalam tempoh 14 hari daripada penerimaan permintaan itu, membuat pembetulan itu ke atas award. Ini tidak mencegah tribunal timbang tara kerana perlanggarannya sendiri daripada membuat pembetulan terhad itu ke atas award dalam tempoh 21 hari daripada penyampaian award itu kepada pihak-pihak (atau mana-mana pihak jika berkenaan). Semua pembetulan award hendaklah bertulis dan hendaklah membentuk bahagian award itu.

---

*Bahagian II*

## JADUAL FI DAN KOS PENTADBIRAN

---



***Fi Tribunal Timbang Tara\******TIMBANG TARA ANTARABANGSA*****Lampiran A1***

Jumlah dalam Pertikaian

(Tuntutan + Tuntutan Balas) = Jumlah Ditetapkan

Amaun dalam pertikaian (USD)	Fi Penimbang Tara (USD)
Hingga 50,000	3,500
Dari 50,001 hingga 100,000	3,500 + 5.4% daripada lebihan 50,000
Dari 100,001 hingga 500,000	6,200 + 2.475% daripada lebihan 100,000
Dari 500,001 hingga 1,000,000	16,100 + 1.80% daripada lebihan 500,000
Dari 1,000,001 hingga 2,000,000	25,100 + 0.90% daripada lebihan 1,000,000
Dari 2,000,001 hingga 5,000,000	34,100 + 0.45% daripada lebihan 2,000,000
Dari 5,000,001 hingga 10,000,000	47,600 + 0.225% daripada lebihan 5,000,000
Dari 10,000,001 hingga 50,000,000	58,850 + 0.1125% daripada lebihan 10,000,000
Dari 50,000,001 hingga 80,000,000	103,850 + 0.045% daripada lebihan 50,000,000
Dari 80,000,001 hingga 100,000,000	117,350 + 0.03375% daripada lebihan 80,000,000

## TIMBANG TARA DOMESTIK

### **Lampiran A2**

Jumlah dalam Pertikaian

(Tuntutan + Tuntutan Balas) = Jumlah Ditetapkan

Amaun dalam pertikaian (RM)	Fi Penimbang Tara (RM)
Hingga 150,000	10,500
Dari 150,001 hingga 300,000	10,500 + 5.40% daripada lebihan 150,000
Dari 300,001 hingga 1,500,000	18,600 + 2.475% daripada lebihan 300,000
Dari 1,500,001 hingga 3,000,000	48,300 + 1.80% daripada lebihan 1,500,000
Dari 3,000,001 hingga 6,000,000	75,300 + 0.90% daripada lebihan 3,000,000
Dari 6,000,001 hingga 15,000,000	102,300 + 0.45% daripada lebihan 6,000,000
Dari 15,000,001 hingga 30,000,000	142,800 + 0.225% daripada lebihan 15,000,000
Dari 30,000,001 hingga 150,000,000	176,550 + 0.1125% daripada lebihan 30,000,000
Dari 150,000,001 hingga 240,000,000	311,550 + 0.045% daripada lebihan 150,000,000
Lebih daripada 300,000,000	352,050 + 0.03375% daripada lebihan 240,000,000

- \* Fi Tribunal Timbang Tara termasuk kos pentadbiran Pusat. Kos pentadbiran Pusat ialah 20% daripada fi Tribunal Timbang Tara.

#### No. Item

#### Bayaran

- |   |                    |
|---|--------------------|
| 1. Fi Pendaftaran Tidak Dipulangkan   | RM250.00/USD100.00 |
| (Perkara 3 Kaedah 3 - kena dibayar serta-merta dengan penghantaran Notis timbang tara)                    |                    |
| 2. Fi Pelantikan  | RM400.00/USD150.00 |
| (Perkara 4 Kaedah 5 - kena dibayar dengan penghantaran permintaan untuk pelantikan tribunal timbang tara) |                    |

### ***Model Klausus Timbang Tara Pantas KLRCA***

Bagi memastikan bahawa tujuan pihak-pihak untuk menimbang tara menggunakan Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA dipenuhi, KLRCA menyarankan Fasal Timbang Tara Model berikut:

*"Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan kontrak ini, atau pelanggaran, penamatkan atau ketaksahannya hendaklah di selesaikan oleh timbang tara mengikut Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA."*

### ***Bentuk Perjanjian***

Pihak-pihak yang berhasrat untuk menggantikan fasal timbang tara yang sedia ada kepada fasal yang merujuk pertikaian kepada timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA boleh menggunakan bentuk perjanjian berikut:

*"Pihak-pihak di sini bersetuju bahawa pertikaian yang timbul daripada kontrak yang bertarikh [masukkan tarikh kontrak] hendaklah diselesaikan oleh timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA."*

Bentuk ini boleh juga digunakan sekiranya suatu kontrak tidak mengandungi fasal timbang tara dan pihak-pihak berhasrat untuk membuat pengemukaan *ad hoc* untuk timbang tara.

---

*Bahagian III*

# PANDUAN KaedaH-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA

---



## **1. Apa itu Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA?**

Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA direka khusus untuk pihak-pihak yang berhasrat untuk mendapatkan award dengan cara yang paling pantas dan kos yang paling minimum. Kaedah-Kaedah ini mensyaratkan bahawa timbang tara (dengan pendengaran lisan substantif) mesti disempurnakan dalam tempoh 160 hari maksimum dan dibicarakan di hadapan penimbang tara tunggal (melainkan jika pihak-pihak memilih suatu panel yang lebih besar). Kaedah-Kaedah ini juga mengehadkan fi tribunal dan kos boleh dapat balik pada suatu skala yang ditetapkan. Lain-lain ciri-ciri menarik juga termasuk kewajipan yang lebih ketat untuk penzahiran untuk mengelakkan kejutan dan penggunaan keterangan pakar yang terkawal bagi memastikan bahawa perhatian pihak-pihak dan tribunal ditumpukan hanya pada isu yang khusus.

## **2. Di mana boleh saya cari fasal model Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA?**

Satu daripada keperluan penting dalam penyelesaian pertikaian melalui timbang tara ialah wujudnya satu perjanjian timbang tara antara pihak-pihak. Suatu perjanjian timbang tara mesti dalam bentuk satu fasal timbang tara di dalam suatu perjanjian atau dalam bentuk satu perjanjian tambahan.

Fasal model Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA, yang boleh diiktiraf dan dikuatkuasa di peringkat antarabangsa ialah seperti berikut:

*"Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan kontrak ini, atau pelanggaran, penamatkan atau ketaksahannya hendaklah di selesaikan oleh timbang tara mengikut Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA."*

Pihak-pihak yang berhasrat untuk mengantikan fasal timbang tara yang sedia ada kepada fasal yang merujuk pertikaian kepada timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA boleh menggunakan bentuk perjanjian berikut:

*"Pihak-pihak di sini bersetuju bahawa pertikaian yang timbul daripada kontrak yang bertarikh [masukkan tarikh kontrak] hendaklah diselesaikan oleh timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA."*

Bentuk ini boleh juga digunakan sekiranya suatu kontrak tidak mengandungi fasal timbang tara dan pihak-pihak berhasrat untuk membuat pengemukaan adhoc untuk timbang tara.

### **3. Adakah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA berbeza daripada Kaedah-Kaedah Timbang Tara KLRCA?**

Ya, terdapat beberapa bahagian yang berlainan:

#### **Bilangan Penimbang Tara**

Melainkan jika pihak-pihak bersetuju sebaliknya, suatu timbang tara yang dijalankan di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA didengar oleh satu panel tiga (3) penimbang tara sementara timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA akan dijalankan oleh penimbang tara tunggal (cf. Perkara 4).

#### **Pendengaran Dokumen Sahaja**

Di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA, tuntutan yang kurang daripada/tidak mungkin melebihi RM150,000.00 (dalam timbang tara domestik) dan USD75,000.00 (dalam timbang tara antarabangsa) akan dijalankan dengan segera sebagai timbang tara dokumen sahaja melainkan jika pendengaran lisan substantif disifatkan perlu oleh penimbang tara atas perundingan dengan pihak-pihak.

#### **Rangka Masa**

Rangka-rangka masa untuk pengemukaan pernyataan, pendengaran dan membuat award adalah berbeza. Timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA mesti disempurnakan dalam tempoh 160 hari maksimum sementara timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara KLRCA dianggarkan akan mengambil masa di antara satu tahun (365 hari) sehingga satu tahun setengah (547 hari) untuk disempurnakan.

### **Kos**

Timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA lebih efektif kos. Tambahan lagi, kaedah-kaedah ini telah didrafkan sedemikian untuk menjadikan penilaian kos lebih boleh dijangka. Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA terdiri daripada satu jadual Fi Penimbang Tara yang penimbang tara mesti mengambil kira tetapi tidak terikat olehnya semasa menetapkan fi. Juga, kos timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA adalah dihadkan. Untuk pendengaran dokumen sahaja, kos tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah amaun tuntutan dan untuk timbang tara dengan pendengaran lisan substantif, kos tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah amaun dituntut. Untuk maklumat lanjut tentang kos dan fi (cf. Perkara 14 dan 19).

### **Keterangan**

Dalam mengambil kira kewajaran, Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA mengehadkan penggunaan keterangan pakar atau keterangan pakar tambahan. Untuk keterangan itu dikemukakan sebagai keterangan, pihak yang berhasrat untuk berbuat demikian hendaklah meminta kebenaran terlebih dahulu daripada tribunal timbang tara dalam tempoh empat belas (14) hari selepas Pernyataan Jawapan atau penyerahan/pertukaran laporan pakar telah disampaikan.

**4. Apakah jenis pertikaian yang boleh diselesaikan oleh timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA?**

Kebanyakan pertikaian yang timbul daripada pertikaian pembinaan, komoditi, insurans, tenaga dan perdagangan.

**5. Apakah kelebihan menggunakan Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA?**

Jika fasal timbang tara tidak menyebut Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA, pendengaran dijalankan menurut undang-undang dan prosedur timbang tara yang sedia ada. Memasukkan Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA ke dalam fasal timbang tara anda mempunyai manfaat yang besar. Kaedah-Kaedah ini membolehkan anda menggabungkan pertikaian, untuk mengelakkan timbang tara yang mendorong di mahkamah, dan sudah tentu mendapatkan award yang cepat dengan kos yang minimum. Anda juga akan berpeluang untuk diawardkan fi undang-undang dan bahagian belanja Panel anda.

**6. Berapa banyak kos diperlukan untuk menimbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA?**

Fi Timbang Tara dibahagikan kepada dua kategori - Bayaran Pentadbiran dan fi tribunal. Bayaran Pentadbiran ialah 20% daripada fi tribunal dan merangkumi kos KLRCA mentadbir timbang tara.

Fi tribunal dibahagikan kepada skala yang berlainan untuk Timbang Tara Antarabangsa dan Domestik. Jadual Fi dan Bayaran Pentadbiran boleh didapati dalam Bahagian II Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA. Ia disalin semula seperti berikut:

### ***Timbang Tara Antarabangsa***

Jumlah dalam Pertikaian

(Tuntutan + Tuntutan Balas) = Jumlah Ditetapkan

Amaun dalam pertikaian (USD)	Fi Penimbang Tara (USD)
Hingga 50,000	3,500
Dari 50,001 hingga 100,000	3,500 + 5.4% daripada lebihan 50,000
Dari 100,001 hingga 500,000	6,200 + 2.475% daripada lebihan 100,000
Dari 500,001 hingga 1,000,000	16,100 + 1.80% daripada lebihan 500,000
Dari 1,000,001 hingga 2,000,000	25,100 + 0.90% daripada lebihan 1,000,000
Dari 2,000,001 hingga 5,000,000	34,100 + 0.45% daripada lebihan 2,000,000
Dari 5,000,001 hingga 10,000,000	47,600 + 0.225% daripada lebihan 5,000,000
Dari 10,000,001 hingga 50,000,000	58,850 + 0.1125% daripada lebihan 10,000,000
Dari 50,000,001 hingga 80,000,000	103,850 + 0.045% daripada lebihan 50,000,000
Dari 80,000,001 hingga 100,000,000	117,350 + 0.03375% daripada lebihan 80,000,000

### ***Timbang Tara Domestik***

Jumlah dalam Pertikaian

(Tuntutan + Tuntutan Balas) = Jumlah Ditetapkan

Amaun dalam pertikaian (RM)	Fi Penimbang Tara (RM)
Hingga 150,000	10,500
Dari 150,001 hingga 300,000	10,500 + 5.40% daripada lebihan 150,000
Dari 300,001 hingga 1,500,000	18,600 + 2.475% daripada lebihan 300,000
Dari 1,500,001 hingga 3,000,000	48,300 + 1.80% daripada lebihan 1,500,000
Dari 3,000,001 hingga 6,000,000	75,300 + 0.90% daripada lebihan 3,000,000
Dari 6,000,001 hingga 15,000,000	102,300 + 0.45% daripada lebihan 6,000,000
Dari 15,000,001 hingga 30,000,000	142,800 + 0.225% daripada lebihan 15,000,000
Dari 30,000,001 hingga 150,000,000	176,550 + 0.1125% daripada lebihan 30,000,000
Dari 150,000,001 hingga 240,000,000	311,550 + 0.045% daripada lebihan 150,000,000
Lebih daripada 300,000,000	352,050 + 0.03375% daripada lebihan 240,000,000

- \* Fi Tribunal Timbang Tara termasuk kos pentadbiran Pusat. Kos pentadbiran Pusat ialah 20% daripada fi Tribunal Timbang Tara.

No. Item	Bayaran
1. Fi Pendaftaran Tidak Dipulangkan (Perkara 3 Kaedah 3 - kena dibayar serta-merta dengan penghantaran Notis timbang tara)	RM250.00/USD100.00
2. Fi Pelantikan (Perkara 4 Kaedah 5 - kena dibayar dengan penghantaran permintaan untuk pelantikan tribunal timbang tara)	RM400.00/USD150.00

**7. *Adakah pihak-pihak dihadkan untuk melantik penimbang tara daripada penel-panel penimbang tara KLRCA apabila menimbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA?***

Tidak, tiada larangan dikenakan dan pihak-pihak bebas untuk melantik penimbang tara pilihan mereka. Namun, sekiranya pihak-pihak tidak dapat bersetuju atau membuat keputusan (cf. Perkara 4), Pengarah KLRCA itu akan merujuk kepada panel penimbang tara KLRCA untuk membuat pelantikan yang sesuai. KLRCA mempunyai panel terbuka yang terdiri daripada lebih 800 penimbang tara domestik dan antarabangsa. Sebagai satu prasyarat, KLRCA menghendaki ahli panelnya memperoleh keanggotaan dengan CIArb. Ahli panel KLRCA juga veteran dalam pelbagai industri khusus.

**8. *Bagaimana saya memulakan prosiding timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA?***

Dengan syarat terdapat suatu perjanjian terdahulu untuk merujuk kepada timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah Timbang Tara Pantas KLRCA, pihak-pihak boleh merujuk pertikaian yang tidak diselesaikan kepada KLRCA untuk timbang tara.

Pihak Menuntut dikehendaki untuk mengeluarkan satu notis secara bertulis kepada Responden yang menyatakan hasratnya untuk memulakan timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini dan satu salinan mesti dihantar kepada Pengarah.

**9. *Apa akan berlaku sekiranya diputuskan semasa prosiding timbang tara bahawa kuantum tuntutan lebih banyak atau lebih sedikit daripada anggaran asal?***

Jika kuantum tuntutan atau tuntutan balas lebih banyak daripada anggaran asal, Pengarah akan mengarahkan Pihak Menuntut atau Responden, mengikut kes, untuk membayar fi tambahan sebelum kes boleh diteruskan. Namun, jika kuantum tuntutan atau tuntutan balas lebih sedikit daripada anggaran asal, fi tribunal tambahan yang telah dibayar akan dibayar balik kepada pihak-pihak selepas pengeluaran award, tertakluk kepada budi bicara Pengarah.

**10. *Bagaimana tempat timbang tara ditentukan?***

Menurut Perkara 6(2) Kaedah-Kaedah, tempat timbang tara hendaklah Malaysia. Undang-undang timbang tara di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah menjadi Timbang Tara Malaysia Akta 2005 (Pindaan 2011) atau mana-mana pengubahsuaian statutori atau enakmen semula Akta.

***11. Adakah KLRCA mempunyai pengalaman dan kepakaran untuk mentadbir timbang tara dalam sektor yang khusus?***

Ya, KLRCA mempunyai pengalaman yang luas dalam mentadbir timbang tara di dalam sektor yang khusus. Namun, tidak seperti Pusat-Pusat lain, KLRCA fikir tidak perlu untuk melancarkan satu jabatan yang khusus untuk memenuhi industri khusus yang berlainan. Ini disebabkan oleh Kaedah-Kaedah telah didrafkan dengan perundingan dengan pelbagai industri yang khusus contohnya, sektor laut. Kaedah-kaedah timbang taranya dibuat khas untuk mentadbir bukan sahaja pertikaian perdagangan biasa tetapi juga sektor yang khusus, dengan mengambil kira sifat industri itu.

Tambahan lagi, panel KLRCA terdiri daripada tokoh-tokoh pakar industri, yang merangkumi daripada sektor pembinaan, tenaga, maritim dan perdagangan.





PENYELESAIAN REGIONAL  
SOLUSI GLOBAL

# ***Kaedah-kaerah Timbang Tara Pantas KLRCA***

## **PUSAT TIMBANG TARA SERANTAU KUALA LUMPUR**

( DITUBUHKAN DI BAWAH NAUNGAN PERTUBUHAN  
PERUNDINGAN PERUNDINGAN ASIA-AFRIKA )

Bangunan Sulaiman  
Jalan Sultan Hishamuddin  
50000 Kuala Lumpur  
Malaysia

T +603 2271 1000  
F +603 2271 1010  
E [enquiry@klrca.org](mailto:enquiry@klrca.org)  
[www.klrca.org](http://www.klrca.org)